

Rujukan : USM. 38/15 Jld. XI
Tarikh : 11 November 2025
Kepada : Dekan/Pengarah/Penyelaras/Ketua Jabatan
Pusat Pengajian/Pusat/Unit/Jabatan
Kampus Induk/Kejuruteraan/Kesihatan
Institut Perubatan & Pergigian Termaju

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 54 TAHUN 2025

- PENGUMPULAN CUTI REHAT (PCR) KE TAHUN 2026 DAN / ATAU PENGUMPULAN CUTI REHAT KE AWARD WANG TUNAI (AWT) TAHUN 2025

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, pihak Universiti akan melaksanakan pengemaskinian pengumpulan cuti rehat bagi mana-mana staf yang tidak dapat menghabiskan cuti rehat bagi tahun ini. Selaras dengan Perbekalan Cuti Universiti, baki cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan atas sebab kepentingan perkhidmatan boleh dipertimbangkan untuk dibawa ke tahun hadapan atau AWT atau kedua-duanya sekali.

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk memastikan rekod cuti setiap staf adalah teratur dan dikemaskini. Sila ambil perhatian bahawa jumlah maksimum yang boleh diluluskan ialah tidak melebihi kelayakan cuti rehat bagi tempoh dua (2) tahun perkhidmatan ke tahun ketiga. Berikut adalah jadual yang perlu dipatuhi oleh setiap PTJ:-

Bil.	Tempoh	Aktiviti
1.	13 November 2025 hingga 15 Disember 2025	- Untuk kemaskini PCR dan AWT oleh staf; dan - Tempoh semakan dan pengesahan oleh Pegawai Pentadbiran dan Ketua Jabatan di PTJ.

4. Untuk memastikan urusan pengumpulan cuti rehat ke tahun 2026 dan pengumpulan AWT 2025 dilaksanakan dengan teratur, lampiran-lampiran berikut boleh dirujuk/dicetak melalui portal 'Campus Online' di menu Sistem E-Cuti seperti berikut:-

- Manual Permohonan Pengumpulan Cuti Rehat (PCR) dan/atau Pengumpulan Cuti Rehat Ke Award Wang Tunai (AWT) - untuk staf membuat permohonan.
- Manual Proses Permohonan Pengumpulan Cuti Rehat (PCR) dan/atau Pengumpulan Cuti Rehat Ke Award Wang Tunai (AWT) - untuk staf yang menguruskan cuti di PTJ; dan
- Tatacara Pengumpulan Cuti Rehat Ke Tahun Hadapan dan Pengumpulan Cuti Rehat Ke AWT.

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 54 TAHUN 2025

- PENGUMPULAN CUTI REHAT (PCR) KE TAHUN 2026 DAN / ATAU
PENGUMPULAN CUTI REHAT KE AWARD WANG TUNAI (AWT) TAHUN 2025
-

5. Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(SARINA BINTI RAZAK)

Timbalan Pendaftar

Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Ketua Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Pendaftar

Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan

Pengarah, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Timbalan Pendaftar Kanan

}

Jabatan Pendaftar

}

Kampus Kesihatan

}

Untuk hebahan mengikut

}

kampus masing-masing.

Timbalan Pendaftar Kanan

}

Terima kasih.

Jabatan Pendaftar

}

Kampus Kejuruteraan

}

Timbalan Pendaftar

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Semua Pegawai Pentadbiran

Pusat Pengajian/Pusat/Unit/Jabatan